

PERSEPSI PEGAWAI PENGUATKUASA AGAMA NEGERI PAHANG TERHADAP ARAHAN TETAP PENGARAH JAIP 2017

Abdul Halim bin Abdul Karim

Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

abdhalim@kuipsas.edu.my

Hasmadi bin Hassan, Ph.D

Universiti Malaysia Pahang

hasmadi@ump.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pegawai penguatkuasa agama (PPA) terhadap Arahan Tetap Pengarah JAIP 2017. Arahan Tetap Pengarah JAIP 2017 merupakan garis panduan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di negeri Pahang yang perlu diikuti dan dipatuhi oleh setiap anggota PPA semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Permasalahan yang timbul sebelum ini adalah berkaitan kefahaman dan kepatuhan PPA yang mendalam terhadap prosedur, peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan jenayah syariah, garis panduan atau SOP bagi menjamin sesuatu proses penguatkuasaan undang-undang syariah berjalan dengan lancar dan sistematik tanpa diujungi kritikan atau persepsi negatif masyarakat awam. Kajian kuantitatif ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian, adalah bertujuan untuk mengukur tahap pengetahuan PPA terhadap Arahan Tetap Pengarah JAIP 2017. Data kajian yang diperolehi menerusi instrument soal selidik yang telah diedarkan kepada 86 orang anggota PPA negeri Pahang telah diproses dan dianalisis menggunakan kaedah saintifik deskriptif dengan menggunakan perisian 'Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) for Windows' versi 22.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai min yang diperolehi adalah tinggi ($M=4.28$). Ia menunjukkan bahawa persepsi PPA terhadap pengamalan Arahan Tetap Pengarah JAIP 2017 adalah tinggi. Implikasi kajian juga menekankan peranan pihak JAIP untuk terus mengatur strategi dan menambahbaik mutu profesion PPA agar dapat meningkatkan kredibiliti dan kewibawaan institusi penguatkuasaan undang-undang syariah di negeri Pahang.

KATA KUNCI

Persepsi, Pegawai Penguatkuasa Agama, Arahan Tetap Pengarah JAIP 2017.

RUJUKAN

Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (2015), *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Fatwa Kebangsaan*, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya, Malaysia.

Jabatan Agama Islam Pahang, (2017), *Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang 2017(Garis Panduan Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah)*, Kuantan, Pahang.

Sakaria Semela, (2012), *Kajian Semula Terhadap Undang-Undang Acara Jenayah Syariah*, hlm 131-182, Korpus Undang-Undang Islam di Malaysia Semakan dan Cabaran, Penyunting Siti Shamsiah Md Supi, Penerbit IKIM, Kuala Lumpur.

Siti Zubaidah Ismail, (2005), *Undang-Undang Prosedur Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Penilaian*, hlm 203-213, Buku Mahkamah Syariah di Malaysia, Pencapaian dan Cabaran, Editor Ahmad Hidayat Buang, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Abdul Qahhar bin Ibrahim, Abdul Ghafar Hj. Don, Muhamad Faisal Asha'ari, (2017), *Peranan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) Dalam Melaksanakan Hisbah di Negeri Selangor*, Fikiran Masyarakat, Vol. 5, No. 3, 2017, hlm 119-125.